



Info Sukan

KEJOHANAN BADMINTON JEMPUTAN UniMAP 2009

Kelab Badminton UniMAP telah menganjurkan kejohanan edisi pertamanya iaitu Kejohanan Badminton Jemputan UniMAP 2009 bermula pada 21-22 November 2009 yang lalu. Kejohanan ini telah berlangsung di Dewan Badminton Negeri Perlis. Sebanyak 6 kategori telah dipertandingkan iaitu acara Perseorangan Lelaki Terbuka, Perseorangan Lelaki Novis, Beregu Lelaki Terbuka, Beregu Lelaki Novis, Beregu Lelaki Staf dan Pelajar serta Beregu Campuran. Pada edisi kali ini seramai 200 penyertaan, yang mana penyertaannya adalah dari masyarakat sekitar Perlis serta staf dan pelajar UniMAP sendiri.

Tujuan kejohanan ini diadakan adalah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru serta mengeratkan lagi hubungan antara warga UniMAP dan juga masyarakat setempat khususnya kepada para peminat badminton sekitar Perlis. Fokus kejohanan ini adalah untuk menjadikan acara ini sebagai penganjuran tahunan kelab badminton UniMAP.



Antara tetamu kehormat yang hadir bagi menyerikan kejohanan dua hari ini ialah Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP sendiri iaitu Brig Jen Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin yang sentiasa memberi sokongan kepada pembangunan sukan UniMAP walaupun dalam kesibukan kerja.